

menyukarkan pihak polis memasuki premis berkenaan dan hanya pelanggan yang dikenali atau "regular" sahaja dibenarkan memasuki premis. Pihak polis terpaksa menyamar sehingga menyakinkan penjaga premis sebagai pelanggan terlebih dahulu sebelum serbuan boleh dibuat.

Bagi menjawab soalan (b), sehingga kini pihak polis tidak mengesan mana-mana ahli politik yang terlibat dengan penganjuran atau memberi perlindungan kepada sindiket perjudian ini.

Pihak polis sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dalam operasi bersepadu untuk membentras kegiatan perjudian. Statistik operasi yang dijalankan secara bersepadu bagi tahun 2016 sehingga September seperti berikut:-

|             | JUMLAH SERBUAN | SERBUAN BERJAYA | TANGKAPAN | RAMPASAN PERALATAN KOMPUTER |
|-------------|----------------|-----------------|-----------|-----------------------------|
| PHK         | 24             | 12              | 11        | 29                          |
| JUDI ONLINE | 95             | 67              | 28        | 1120                        |
| JUMLAH      | 119            | 79              | 39        | 1149                        |